

Malaysia tidak beri tekanan kepada Indonesia mengenai jerebu, kata Zahid
Malaysian Insider
Oct 22, 2015

Malaysia tidak mengenakan sebarang bentuk tekanan kepada Indonesia menangani jerebu rentas sempadan yang berpunca dari republik itu kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata langkah sedemikian tidak adil kepada Indonesia yang berusaha bersungguh untuk mengatasi kebakaran tanah gambut yang berlaku.

"Adalah tidak adil untuk mengenakan sebarang tekanan kepada Indonesia. Presiden Joko Widodo juga memperlihatkan komitmen tinggi untuk menyelesaikan masalah ini secara jangka panjang," katanya kepada wartawan selepas merasmikan Dialog Keselamatan Antarabangsa Putrajaya yang pertama di Kuala Lumpur.

Zahid yang juga menteri dalam negeri turut menggesa semua pihak yang menerima kesan jerebu supaya jangan terus menuding jari menyalahkan satu sama lain.

Katanya semua negara Asean harus bekerjasama untuk membantu Indonesia mencari jalan penyelesaian jangka panjang kepada masalah itu.

"Kita juga harus bersimpati dengan Indonesia dalam mengatasi masalah ini. Jangan mengkritik mereka sahaja.

"Pada masa yang sama, saya juga harap tiada pihak di Indonesia yang salahkan pelabur Malaysia yang membuka ladang sawit di sana sebagai punca kebakaran,".

Zahid berkata Malaysia juga bersedia untuk berkongsi amalan terbaik penanaman kelapa sawit kepada Indonesia dalam usaha mengurangkan kebakaran dan mengatasinya di masa akan datang.

"Secara peribadi, saya cadangkan kepada presiden Indonesia mengenai amalan terbaik penanaman ladang besar Malaysia yang beroperasi di sana," katanya.

Mengambil contoh sistem yang digunakan TH Plantation di Riau, katanya selang setiap 2 baris pokok sawit akan dibina sebuah perparitan yang berfungsi menyalurkan air untuk tanaman dan mengatasi kebakaran daripada merebak berlaku.

Katanya, keadaan ini terpulang kepada kerajaan Indonesia untuk memperkenalkan sistem penanaman sawit yang terbaik kerana ia memerlukan kos tinggi dan kerjasama daripada peladang kecil.

Menurut kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS), 97% pembakaran tanah gambut berpunca daripada peladang kecil sawit yang masih menggunakan cara tradisional untuk penanaman mereka. – Bernama, 22 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-tidak-beri-tekanan-k-epada-indonesia-mengenai-jerebukata-zahid>